

Pengangkutan lebih pintar penting untuk mengekalkan pertumbuhan negara-negara membangun Asia, kata laporan Pusat Pembangunan OECD terbaru

Singapura, 12 November 2018 - Pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) di negara-negara membangun Asia, iaitu sepuluh negara-negara anggota Persatuan Bangsa-bangsa Asia Tenggara, China dan India, dijangka mencapai 6.1% pada 2019-23, didorong oleh permintaan domestik. Pertumbuhan rantau Asia Tenggara juga akan kekal kukuh pada 5.2% dalam tempoh yang sama, menurut Tinjauan Ekonomi bagi Asia Tenggara, China dan India Edisi 2019 yang dikeluarkan oleh Pusat Pembangunan OECD.

Tinjauan Ekonomi tersebut menerangkan bahawa pelaburan langsung asing di rantau ini akan kekal kukuh, memberikan kesan positif terhadap prospek pasaran pekerjaan. Trend inflasi yang berbeza di rantau ini bergantung kepada variasi dalam langkah sokongan harga. Beberapa bank pusat di rantau ini telah menaikkan kadar faedah, harga dan tekanan terhadap kadar pertukaran sebagai tindak balas kepada normalisasi kewangan ekonomi maju. Dalam masa terdekat, cabaran yang perlu dihadapi adalah termasuk memaksimumkan peluang yang berkaitan dengan teknologi dalam perkhidmatan kewangan, menguatkan prestasi eksport semasa peningkatan perlindungan terhadap perdagangan antarabangsa berleluasa, dan mengurangkan risiko bencana alam.

Bab istimewa di dalam keluaran Tinjauan Ekonomi tersebut menganalisa kesesakan lalu lintas di bandar-bandar yang sedang membangun di Asia disebabkan oleh pertumbuhan penduduk yang pesat, peningkatan pemilikan dan penggunaan kenderaan persendirian, dan kekurangan cara perjalanan alternatif yang memadai seperti pengangkutan awam. Kesesakan ini menjadikan bandar kurang cekap dan memberi kesan yang besar ke atas kos ekonomi, sosial dan persekitaran.

"Negara-negara membangun Asia dapat memperbaiki keadaan hidup di kawasan bandar-bandar utama dan membuka peluang ekonomi baru, dengan memperkukuhkan dasar-dasar untuk pengangkutan pintar," kata Mario Pezzini, Pengarah Pusat Pembangunan OECD dan Penasihat Khas Pembangunan kepada Setiausaha Agung OECD, sewaktu melancarkan laporan itu di Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2018 di Singapura.

Sistem pengangkutan pintar yang bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan baru yang berkaitan dengan pelbagai mod pengangkutan dan cara pengurusan lalu lintas, membolehkan pengguna mendapatkan maklumat yang lebih tepat, menghasilkan rangkaian pengangkutan yang lebih selamat, teratur dan bijak, seharusnya menjadi keutamaan bagi pembuat-pembuat dasar di negara-negara membangun Asia. Kemajuan telah dicapai sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan adanya inisiatif serantau. Walau bagaimanapun, masih ada banyak lagi ruang untuk memajukan bandar-bandar di rantau ini dengan menggunakan infrastruktur pengangkutan pintar.

Laporan itu menggariskan bahawa kombinasi dasar-dasar yang memberi tumpuan kepada pengangkutan awam adalah penting. Pengembangan dan peningkatan sistem pengangkutan awam akan membantu menangani permintaan pengangkutan yang semakin meningkat tanpa peningkatan besar penggunaan kenderaan persendirian. Permintaan yang semakin meningkat bagi pengangkutan persendirian dapat ditangani dengan membangunkan dasar-dasar berasaskan harga dan dasar-dasar bukan berasaskan harga. Peningkatan penggunaan teknologi dan inovasi boleh menjadikan pengurusan lalu lintas lebih cekap. Memupuk pengaturan kerja yang fleksibel akan membantu mengurangkan penggunaan sistem pengangkutan di kawasan bandar. Akhir sekali, perancangan bandar harus difikirkan semula dengan memberikan pertimbangan yang lebih besar mengenai kesannya terhadap permintaan pengangkutan supaya ia dapat mengurangkan kesesakan dalam jangka panjang.

Tinjauan ekonomi 2019 ini juga merangkumi analisa perkembangan-perkembangan terbaru dalam integrasi serantau termasuk dasar-dasar utama dan nota negara yang menangani cabaran reformasi struktur domestik di sepuluh negara-negara ASEAN, China dan India.

Untuk maklumat lanjut, wartawan semua dijemput untuk menghubungi Kensuke Tanaka, Ketua Bahagian Asia, Pusat Pembangunan OECD (Kensuke.Tanaka@oecd.org; Tel: +33 (0) 6 27 19 05 19) dan Bochra Kriout (Bochra.Kriout @ oecd.org; Tel: +33 145 24 82 96).

Untuk maklumat terperinci tentang Tinjauan Ekonomi bagi Asia Tenggara, China dan India 2019 dan nota-nota negara, sila layari laman web: <http://www.oecd.org/dev/asia-pacific/>.

Mengenai laporan ini

Tinjauan Ekonomi bagi Asia Tenggara, China dan India 2019 dikeluarkan oleh Pusat Pembangunan OECD dengan kerjasama Institut Penyelidikan Ekonomi ASEAN dan Asia Timur (ERIA) dan Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Persatuan bangsa-bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik (UNESCAP). Laporan ini menyumbang kepada Program OECD di Rantau Asia Tenggara, yang bertujuan untuk memupuk pembelajaran bersama dan pertukaran amalan baik antara penggubal-penggubal dasar di Asia Tenggara dan negara-negara anggota OECD.